



VAKSIN UNTUK RAKYAT

30 kluster baru direkodkan

Kes harian Covid-19 catat 6,241, melibatkan 87 kematian

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Sebanyak 30 kluster baru turut dilaporkan menjadikan jumlah kluster bertambah kepada 2,338 kluster.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 713 kluster masih aktif sementara 1,625 kluster telah tamat.

"Daripada jumlah kluster baru itu sebanyak 18 kluster adalah daripada kategori kluster tempat kerja dengan 10 kluster melibatkan sektor perki-

lanan," kata beliau dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sementara itu, jumlah kes harian baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan penurunan pada Ahad apabila sebanyak 6,241 kes dilaporkan berbanding 7,452 kes pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, kematian yang direkodkan pula ialah 87 kes membabitkan 84 warganegara dan tiga bukan warganegara.

"Angka terbaru yang direkodkan itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia sebanyak 616,815 kes," katanya.

Beliau memberitahu, Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi dengan 2,178 kes diikuti Sar-

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

awak (600), Johor (565), Negeri Sembilan (556) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (415).

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, Perlis pula kekal menjadi negeri melaporkan pertambahan kes terendah dengan dua jangkitan baharu.

Menurutnya, daripada keseluruhan kes jangkitan baharu yang dikesan, 6,227 adalah kes tempatan manakala 14 kes import.

"Dengan pertambahan kes baharu ini, kes aktif ketika ini sebanyak 86,628 kes manakala yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 890 kes.

"Sebanyak 444 kes pula memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

KKM mula uji Ivermectin ke atas pesakit Covid-19 berisiko tinggi



KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) telah memulakan ujian klinikal bagi mengkaji kesan penggunaan serta keberkesanan Ivermectin untuk merawat pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi di 12 hospital di bawah kementerian itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Ivermectin adalah sejenis ubat antiparasit yang diluluskan oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) serta digunakan secara meluas bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiasis namun belum ada bukti yang konklusif untuk mengesyorkan penggunaan Ivermectin bagi merawat Covid-19.

"Penggunaan off-label Ivermectin meraih perhatian global berikutan terdapat beberapa kajian kes dan ujian klinikal menunjukkan keputusan baik.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hanya mengesyorkan penggunaan Ivermectin dalam ujian klinikal di mana pesakit perlu dipantau dengan teliti," katanya pada Sabtu. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
616,815	526,809	890	3,378	+6,241	3,493,193

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

6 Jun
6,241 kes

5 Jun
7,452 kes

4 Jun
7,748 kes

3 Jun
8,209 kes

2 Jun
7,703 kes

1 Jun
7,105 kes

31 Mei
6,824 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 610,574 kes kepada 616,815 kes

